




**BULETIN MAJLIS DAERAH  
MARAN  
EDISI 2/2016**

**APRIL - JUN**



# SESI TOWN HALL, HARI BERTEMU PELANGGAN DAN HARI TERBUKA PELAN TRANSFORMASI PBT

## MAJLIS PERASMIAN

2 Jun 2016 – Sesi Town – Hall, Hari Bertemu Pelanggan dan Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT telah diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Maran.

Hari Terbuka Pelan Transformasi PBT dilaksanakan adalah untuk memaklumkan kepada orang ramai khususnya penduduk setempat berkaitan dengan pelaksanaan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Objektif program adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan menyampaikan maklumat kepada penduduk setempat berkaitan hasrat kerajaan untuk melancarkan satu gerak kerja strategic yang melibatkan pengukuhan peranan Majlis Daerah Maran dan memperkasa tanggungjawab PBT kepada rakyat supaya penyampaian perkhidmatan PBT dapat dipertingkatkan.



Puan Fazliana selaku wakil jabatan Majlis Daerah Maran telah menyampaikan ucapan aluan bagi program tersebut

Program Pelan Transformasi PBT pada kali ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohamad Shahaimi bin Othman, JP selaku Ahli Majlis, Majlis Daerah Maran dan seterusnya ditayangkan persembahan multimedia yang disediakan oleh pihak urusetia.

Secara keseluruhannya, program ini berjalan lancar dan mendapat sambutan yang memberangsangkan pada kali ini dan berharap agar ianya dapat diteruskan dengan siri - siri yang akan datang disamping meneliti beberapa cadangan untuk penambahbaikan perjalanan program ini.



Ucapan Perasmian oleh Tuan Haji Mohamad Shahaimi bin Othman, JP , Ahli Majlis, Majlis Daerah Maran



# SESI TOWN HALL, HARI BERTEMU PELANGGAN DAN HARI TERBUKA PELAN TRANSFORMASI PBT

## KIOSK PAMERAN



Semua jabatan/unit telah membuka kaunter dan menempatkan seorang kakitangan sebagai pemudahcara untuk berurusan dengan orang ramai.

Memperlihatkan kreativiti dan kesungguhan setiap jabatan / unit mendekorasi kaunter, telah diwujudkan pertandingan Booth terbaik yang dimenangi oleh Booth Kebersihan



# SESI TOWN HALL, HARI BERTEMU PELANGGAN DAN HARI TERBUKA PELAN TRANSFORMASI PBT

## Pengunjung dan sesi soal jawab



Pengunjung yang hadir diberi peluang untuk mengemukakan sebarang cadangan dan masalah ketika sesi soal jawab yang diadakan

Tuan Haji Shaiful Azman bin Mokhtar Afandi telah menjadi pengerusi yang telah mempengerusikan sesi soal jawab yang telah diadakan pada hari berkenaan.



Soalan yang telah dikemukakan telah dijawab secara terus oleh wakil jabatan yang hadir ke program berkenaan.



Para pengunjung juga dibekalkan dengan borang soal selidik berkaitan Pelan Transformasi PBT bagi mendapatkan maklumbalas pengunjung berkaitan keberkesanan dan pendapat berkaitan Pelan Transformasi PBT tersebut,



## Barisan Ketua Jabatan, Ahli Majlis MDM dan Ketua Jabatan MDM

